

IPT Perlu Berani Teroka Bidang Penyelidikan Baru



Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini perlu berani meneroka bidang-bidang penyelidikan baru terutama yang mampu menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, sejajar perkembangan dan peredaran masa negara perlu bersedia dengan penciptaan produk-produk baru terutama yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Selain itu, ujar beliau, IPT juga perlu sentiasa menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak-pihak luar terutama yang mampu memberikan ilmu baru yang bermanfaat.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Malaysia-Indonesia Geopolymer Symposium (MIGS) anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Konsortium Riset Geopolymer Indonesia (KORIGI) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

MIGS menghimpunkan lebih 70 peserta dari IPT di Malaysia dan Indonesia dengan 12 pembentang utama dalam bidang-bidang Geopolymer. Hadir sama, Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Pakar Geopolymer dari Petra Christian University Surabaya, Prof. Dr. Ir. Djwantoro Hardjito. Pada majlis sama, YB Datuk Dr. Abu Bakar turut melancarkan Persatuan Geopolymer Malaysia (MyGeopolymer) yang menggabungkan pakar-pakar Geopolymer dari seluruh negara.